



# KENYATAAN MEDIA

Untuk siaran segera

## TAMBAHAN MASA MENGEMUKAKAN BORANG E SECARA E-FILING

Mengikut Akta Cukai Pendapatan 1967, tarikh akhir untuk mengemukakan Borang Penyata Saraan oleh majikan iaitu Borang E Tahun Taksiran 2015 kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) ialah pada 31 Mac 2016.

Namun demikian, bagi terus menggalakkan majikan menggunakan kemudahan e-Filing, LHDNM memberikan tambahan masa selama 30 hari lagi untuk majikan mengemukakan Borang E mereka. Ini bermakna tarikh akhir mengemukakan Borang E Tahun Taksiran 2015 melalui e-Filing ialah pada 30 April 2016.

### **Contoh:**

Tarikh akhir mengemukakan Borang E Tahun Taksiran 2015 adalah 31 Mac 2016. Tambahan masa diberikan sehingga 30 April 2016 bagi e-Filing Borang E (e-E) Tahun Taksiran 2015. Jika majikan mengemukakan Borang E Tahun Taksiran 2015 secara e-Filing (e-E) pada 1 Mei 2016, Borang E tersebut akan dianggap sebagai lewat diterima mulai 1 April 2016 dan boleh dikenakan kompaun lewat kemukakan borang di bawah perenggan 120(1)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 (denda tidak kurang daripada dua ratus ringgit dan tidak lebih dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya).

Harap maklum bahawa tarikh akhir 30 April 2016 ini tidak terpakai kepada kaedah pengemukaan Borang E secara borang kertas atau manual. Di mana tarikh akhir pengemukaan Borang E bagi kaedah ini kekal pada 31 Mac 2016.

Sebagai rekod, sehingga pukul 12.00 tengahari, 29 Mac 2016 sebanyak 103,133 Borang E Tahun Taksiran 2015 telah diterima oleh LHDNM melalui kaedah e-Filing. Angka ini menunjukkan peningkatan 90.19% berbanding tempoh yang sama pada tahun lalu (2015) iaitu sebanyak 54,226 borang.

# # #

**SEKIAN, TERIMA KASIH**



---

Dikeluarkan oleh:

**Masrun Bin Maslim | Customer Care Officer (Media)**

**Bahagian Komunikasi Korporat & Multimedia | Jabatan Khidmat Korporat |**

**Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

03-8313 8888 samb. 21326 / 21371 | 📞 : 03-8313 7836

Pusat Panggilan : 1-800-88-5436 (LHDN)

Portal Rasmi : [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)

**Tarikh : 29 Mac 2016**